

SOALAN NO.: 51

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN HEE LOY SIAN
KAWASAN : PETALING JAYA SELATAN
TARIKH : 15 NOVEMBER 2017 (RABU)**

SOALAN:

YB. TUAN HEE LOY SIAN minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan masalah bagi mengatasi kesesakan lalulintas di persimpangan lampu isyarat New Pantai Expressway (NPE) / Jalan Klang Lama dan Jalan Templer Petaling Jaya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini mengambil maklum dan prihatin mengenai isu kesesakan trafik di Lebuhraya Baru Pantai (NPE) terutamanya di persimpangan Jalan Klang Lama dan Jalan Templer. Ini adalah kerana Lebuhraya NPE merupakan laluan utama yang menghubungkan Petaling Jaya ke Kuala Lumpur selain daripada Lebuhraya Persekutuan. Selain daripada itu, pembukaan laluan di Sri Manja yang menghubungkan trafik dari Puchong (melalui Lebuhraya KESAS) ke Petaling Jaya (melalui Lebuhraya NPE) juga menjadi faktor yang menyebabkan berlakunya kesesakan trafik di Maju Jaya/Templer.

Bagi tujuan mengurangkan impak kesesakan di Lebuhraya NPE, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) telah mengarahkan pihak konsesi lebuhraya untuk melaksanakan beberapa langkah proaktif seperti berikut:

1. Melaksanakan laluan terus dari Taman Maju Jaya ke arah Persimpangan Templer pada masa puncak (pagi sahaja);
2. Melaksanakan laluan terus 2 hala pada waktu puncak pagi (6.30 pagi – 9.00 pagi) di Persimpangan Lampu Isyarat Othman;
3. Penambahan lorong di jalan susur ('ramp') Gasing daripada 1 lorong kepada 2 lorong; dan
4. Mengawal aliran trafik semasa waktu puncak melalui unit pasukan ronda NPE dan juga bantuan daripada pihak PDRM cawangan trafik.

Sekian, terima kasih.